



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

Operasi bersepadu JPES dan SDT di Daerah Belait memastikan kepatuhan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi bersepadu ke atas premis-premis perniagaan di Daerah Belait baru-baru ini, dengan tumpuan di kawasan Lumut dan Sungai Liang.
2. Operasi sepadu bertujuan bagi menguatkuasa Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dalam usaha untuk memastikan amalan perniagaan yang beretika dan seterusnya membantu menyumbang kepada mewujudkan persekitaran perniagaan yang sihat dan mampan dalam jangka panjang.
3. Berikutan operasi bersepadu tersebut, JPES telah mengeluarkan satu (1) Notis Amaran kepada sebuah premis perniagaan di atas kegagalan mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan tersebut. Sementara itu, premis-premis perniagaan yang diperiksa selebihnya didapati patuh terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 di mana barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan tanda harga adalah jelas and teratur.
4. Sementara itu, para penguatkuasa Unit SDT mendapati sebanyak tujuh (7) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Satu (1) unit alat timbangan milik Syarikat Hup Hing and Son Company didapati gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan. Notis Penyitaan telah dikeluarkan kepada pihak syarikat dan alat tersebut telah disita. Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT mengikut tadahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja dari tarikh Notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu berkenaan.

5. Para peniaga dinasihatkan untuk sentiasa melaksanakan tanggungjawab dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan seterusnya mengamalkan amalan perniagaan yang beretika dan wajar. Perniagaan yang beretika dan wajar memainkan peranan dalam membantu merangsang aktiviti perekonomian dalam Negara dan menyumbang kepada penggunaan domestik yang berdaya tahan.
6. Sebarang pertanyaan mengenai kawalan harga serta sukatan dan timbangan boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
 - (a) Akta Kawalan Harga, Penggal 142 – Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan
 - (b) Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (33)JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Tarikh : 16 Jamadilawal 1446 / 18 November 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

DEPS and SDT joint operation in Belait District ensures compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151

1. The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs together with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under the Ministry of Finance and Economy has recently conducted a joint operation at business premises in the Belait district, specifically in Lumut and Sungai Liang.
2. The joint operation enforced the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 to ensure ethical business conduct to support the creation of a healthy and sustainable business environment, in the long run.
3. Following the joint-operation, the DEPS has issued one (1) Warning Notice to a business for failing to display prices on some of the items sold in the premise. The remaining business premises inspected were found to be in compliance with the Price Control Act, Chapter 142, with price-controlled items such as cooking oil and formulated powdered milk not being sold above the set maximum price, and prices were clearly and accurately displayed.
4. SDT Unit found a total of seven (7) units of weighing machines used for trading purposes. One (1) unit owned by Syarikat Hup Hing and Son Company has failed to comply with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, which is using expired permitted registration period. A Seizures Notice was issued to the company and the weighing machine have been confiscated. The company is required to report to the SDT Unit office within seven (7) working days from the date the Notice was issued.
5. Businesses are advised to carry out their responsibilities in complying with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 as well as to practice ethical and fair business conduct. Ethical and fair business conduct plays a role in stimulating economic activity in the country and contributing to sustainable domestic consumption.

6. Any inquiries related to price control and weights and measures can be reported to the following official channels:
- (a) Price Control Act, Chapter 142: Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123, PenggunaBijak app and email consumercomplaint@jpes.gov.bn; and
 - (b) Weights and Measures Act 1983 Chapter 151: SDT Unit, Industry and Business Ecosystem Division through email sdt@mofe.gov.bn.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (33)JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Date : 16 Jamadilawal 1446 / 18 November 2024